

Jenis Akhbar : Harakah

Tarikh : 14/06/2024

Edisi / Muka Surat : Nasional (H22)

Tajuk : Dirham Kelantan Diterima Di Ar Rahnu KOPUTRA

# Dirham Kelantan diterima di Ar Rahnu KOPUTRA

**KOTA BHARU:** Produk Dirham Kelantan keluaran Kelantan Gold Trade Sdn Bhd (KGT) diterima sebagai bahan gadaian di Ar Rahnu Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbadanan Menteri Besar Kelantan Abdul Rashid Mohd Yusoff berkata, premis cawangan Ar Rahnu di bawah KOPUTRA turut menyediakan perkhidmatan kaunter jualan dan belian bagi semua produk Dinar Dirham Kelantan.

Katanya, Ar Rahnu KOPUTRA muncul pajak gadai Islam pertama di Malaysia menerima gadaian keluaran KGT.

"Perkhidmatan itu akan membantu orang ramai mendapatkan produk Dinar Dirham Kelantan secara terus melalui kaunter Ar Rahnu KOPUTRA," katanya di sini.

Sebelum itu beliau menandatangani perjanjian kerjasama industri antara KGT dengan KOPUTRA di Subang pada Sabtu.



**Ar Rahnu Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA) mengadakan kerjasama dengan Kelantan Gold Trade Sdn Bhd.**

Pada perjanjian itu Abdul Rashid mewakili KGT, manakala KOPUTRA diwakili pengerusinya Zaharuddin Alias.

Program bersejarah itu disaksikan Presiden ANGKASA Dato' Seri Dr Abdul Fatah Abdullah dan Pengurus KGT Najahuddin Fuad Yusoff.

Abdul Rashid yang juga

Pengarah Eksekutif KGT berkata, perjanjian tersebut menjadi titik tolak bagi memeriahkan lagi industri Ar Rahnu di Malaysia.

"Ar Rahnu KOPUTRA menjadi agensi yang menerima produk Dirham Perak sebagai produk gadaian di Malaysia," tambahnya.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA